

# Sokong saranan kaji elaun baru kakitangan IPTA

Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PRAGMATIS) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sependapat Majlis Persatuan Pentadbir IPTA (MASTI) Malaysia terhadap kajian holistik kenaikan elaun dan insentif baru untuk penjawat awam dipercepatkan, seperti artikel yang diterbitkan *Forum BH* pada 14 November 2013.

Desakan Presiden CUEPACS, Datuk Omar Osman terhadap semakan semula itu sudah pasti berdasarkan kepada situasi semasa kerana kos sara hidup yang kian membimbangkan. Rungutan terhadap kajian semula elaun seperti dinyatakan kini berkuamandang pada peringkat akar umbi pelbagai medium yang boleh diwacanakan. Kenaikan harga minyak, barang, rumah dan keperluan asas lain menekan ke-

hidupan lebih-lebih lagi penjawat awam yang baru mahu memulakan kehidupan dan kerjaya selepas tamat belajar. Itu belum lagi dikira jika sudah berkeluarga dan mempunyai ramai anak. Pasti kebimbangan ini akan meruntun dalam episod kebejatan kualiti perkhidmatan, lebih-lebih lagi kepada sistem pengajian tinggi negara yang sentiasa berevolusi dari semasa ke semasa dengan pencapaian yang sentiasa menjadi kayu ukur kejayaan sesebuah universiti.

## Nilai gaji diterima

Perkembangan produktiviti golongan pentadbir di universiti dipengaruhi oleh faktor gaji dan upah. Nilai gaji yang diterima akan mempengaruhi elemen dan susunan gerak kerja golongan ini yang mana kebanyakan mereka

menghabiskan separuh daripada usia di tempat kerja walaupun peraturan waktu bekerja bermula jam lapan pagi hingga lima petang. Tuntutan untuk melihat kejayaan institusi itu tidak pernah padam, bahkan golongan ini sentiasa menyokong setiap yang dirancang untuk dilaksanakan walaupun nakhoda bersilih-ganti. Semakin besar dan lama sesebuah universiti itu, semakin besar tanggungjawab yang mereka perlu pegang dan pikul. Ianya boleh dikatakan lumrah, tetapi sumbangan golongan ini perlu diberi perhatian penuh oleh pihak kerajaan agar momentum untuk terus berkarya, berinovasi dan berkreatif dapat dikekalkan tanpa kekaangan kegelisahan terhadap situasi asas kehidupan.

Pelaburan kepada pembangu-

nan sumber manusia sektor awam yang berkualiti dan berpengetahuan seiring dengan tuntutan semasa khususnya kepada 'masyarakat pakar dan pengkaji' atau warga universiti ini amat penting dalam kesinambungan mengekalkan kelestarian pengajian tinggi negara.

## Beri perkhidmatan terbaik

Malah, pelaburan ini mampu meningkatkan lagi produktiviti ke arah memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat secara umumnya. Bahkan, harapan ini juga akan mampu menjadikan golongan ini lebih bersemangat dalam menawarkan yang terbaik kepada pelanggan. Dengan itu, ia sejajar dalam menjaga dan merealisasikan amanat Perdana Menteri pada Julai 2012 yang mahukan perkhidmatan awam berteraskan kepada nilai CTI (Cepat,

Tepat dan Integriti) dan PCI (Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi).

Justeru, PRAGMATIS USIM sependapat dengan MASTI agar Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempertimbangkan segera secara serius dan telus cadangan Skim Saraan Universiti (SSU) yang akan memberikan manfaat terutama kepada lebih 7,500 kakitangan Pengurusan & Profesional (P&P) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia.

Skim ini bersifat lebih terbuka dan fleksi terhadap kaedah kenaikan pangkat berasaskan tempoh masa perkhidmatan (time-based) yang sesuai dengan pengalaman dan ini secara langsung akan mengharmonikan jurang fleksi dalam kalangan pegawai bukan akademik di IPTA.

## Mohd Akashah Abd Rashid

Kluster Advokasi & Diplomasi Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PRAGMATIS) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)